



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1508

**AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA
(PINDAAN) 2016**

Tarikh Perkenan Diraja	20 Mei 2016
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	26 Mei 2016

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1508

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2016

Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 5

2. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 5—

(a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1);

(b) dalam subseksyen (1) yang dinomborkan semula, dengan memasukkan selepas perkataan “terpakai” perkataan “tanpa mengira amaun gaji”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika gaji seseorang pekerja pada bila-bila masa melebihi empat ribu ringgit sebulan, gajinya hendaklah bagi maksud Akta ini disifatkan sebagai empat ribu ringgit sebulan.”.

Pindaan seksyen 58

3. Seksyen 58 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Pertubuhan boleh mentadbir apa-apa rancangan keselamatan sosial yang lain jika pentadbiran bagi rancangan itu diberikan kepada Pertubuhan oleh mana-mana undang-undang bertulis.”.

Pindaan seksyen 71

4. Seksyen 71 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:

“(iia) menubuhkan atau mengambil alih syarikat di bawah seksyen 74A dan menyenggara syarikat itu;”.

Pindaan seksyen 72A

5. Seksyen 72A Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “pinjaman” perkataan “atau kemudahan pembiayaan lain”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “bagi memberikan pinjaman” perkataan “atau kemudahan pembiayaan lain”.

Seksyen baharu 74A

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 74 seksyen yang berikut:

“Kuasa Pertubuhan untuk menubuhkan atau mengambil alih syarikat

74A. (1) Pertubuhan boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, menubuhkan atau mengambil alih mana-mana syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk menjalankan, mentadbir, mengendalikan dan menguruskan apa-apa projek, usaha sama, program penswastaaan, rancangan, perusahaan atau apa-apa perkara lain yang telah dirancang atau diusahakan oleh Pertubuhan bagi maksud Rancangan Keselamatan Sosial di bawah Akta ini.

(2) Pertubuhan boleh memberikan arahan kepada syarikat yang disebut dalam subseksyen (1) mengenai perkara yang berhubungan dengan pentadbiran, kewangan dan pengendalian syarikat itu yang selaras dengan peruntukan Akta ini, dan syarikat itu hendaklah melaksanakan arahan itu.”.

Pindaan seksyen 75A

7. Subseksyen 75A(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (d), dengan memasukkan perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (b) dengan memotong perenggan (e); dan
- (c) dalam perenggan (f), dengan menggantikan perkataan “dua orang anggota lain” dengan perkataan “tiga orang anggota lain”.

Pindaan seksyen 95A

8. Subseksyen 95A(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh” perkataan “, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya,”.

Pindaan seksyen 105

9. Subseksyen 105(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (xxa) dengan perenggan yang berikut:

“(xxa) kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini yang boleh dikompaun, dan kriteria, kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan yang boleh dikompaun itu;”.

Pindaan Jadual Pertama

10. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan (1).

Pindaan Jadual Ketiga

11. Jadual Ketiga kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan 2—

(i) dalam butiran 34, dalam ruang “*Gaji Bulanan*”, dengan menggantikan perkataan “Apabila gaji melebihi RM2,900” dengan perkataan “Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas butiran 34 butiran yang berikut:

	<i>Gaji Bulanan</i>	<i>Caruman Majikan</i>	<i>Caruman Pekerja</i>	<i>Jumlah</i>
“35.	Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100	RM53.35	RM15.25	RM68.60
36.	Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200	RM55.15	RM15.75	RM70.90

	<i>Gaji Bulanan</i>	<i>Caruman Majikan</i>	<i>Caruman Pekerja</i>	<i>Jumlah</i>
37.	Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300	RM56.85	RM16.25	RM73.10
38.	Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400	RM58.65	RM16.75	RM75.40
39.	Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500	RM60.35	RM17.25	RM77.60
40.	Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600	RM62.15	RM17.75	RM79.90
41.	Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700	RM63.85	RM18.25	RM82.10
42.	Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800	RM65.65	RM18.75	RM84.40
43.	Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900	RM67.35	RM19.25	RM86.60
44.	Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000	RM69.05	RM19.75	RM88.80
45.	Apabila gaji melebihi RM4,000	RM69.05	RM19.75	RM88.80"; dan

(b) dalam perenggan 4—

- (i) dalam butiran 34, dalam ruang “*Gaji Bulanan*”, dengan menggantikan perkataan “Apabila gaji melebihi RM2,900” dengan perkataan “Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas butiran 34 butiran yang berikut:

	<i>Gaji Bulanan</i>	<i>Caruman Majikan</i>
35.	Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100	RM38.10
36.	Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200	RM39.40
37.	Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300	RM40.60
38.	Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400	RM41.90
39.	Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500	RM43.10
40.	Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600	RM44.40
41.	Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700	RM45.60
42.	Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800	RM46.90
43.	Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900	RM48.10
44.	Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000	RM49.40
45.	Apabila gaji melebihi RM4,000	RM49.40".

Pindaan Jadual Keempat

12. Perenggan 4 Jadual Keempat kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam butiran 34, dalam ruang "*Gaji Bulanan*", dengan menggantikan perkataan "Apabila gaji melebihi RM2,900" dengan perkataan "Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000"; dan

(b) dengan memasukkan selepas butiran 34 butiran yang berikut:

	<i>Gaji bulanan yang sebenar bagi bulan itu</i>	<i>Jenis Pertama</i>	<i>Jenis Kedua</i>	<i>Gaji bulanan anggapan yang bersamaan bagi bulan itu</i>
35.	Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100	RM68.40	RM38.10	RM3,050
36.	Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200	RM70.90	RM39.40	RM3,150
37.	Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300	RM73.10	RM40.60	RM3,250
38.	Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400	RM75.40	RM41.90	RM3,350
39.	Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500	RM77.60	RM43.10	RM3,450
40.	Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600	RM79.90	RM44.40	RM3,550
41.	Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700	RM82.10	RM45.60	RM3,650
42.	Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800	RM84.40	RM46.90	RM3,750
43.	Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900	RM86.60	RM48.10	RM3,850
44.	Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000	RM88.80	RM49.40	RM3,950
45.	Apabila gaji melebihi RM4,000	RM88.80	RM49.40	RM3,950".